

PROMOSI PEROLEHAN AKAUN BAHARU HONG LEONG BANK BERHAD

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Perolehan Akaun Baharu” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada **13 Julai 2017** dan berakhir pada **31 Disember 2017** termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), atau ketika mencapai had penebusan, seperti yang ditakrifkan dalam fasal 7, yang mana terdahulu, melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

Akaun Semasa / Simpanan

1. Promosi terbuka kepada pelanggan individu baharu terpilih HLB yang merupakan pemegang akaun utama Akaun Semasa/Simpanan (“CASA”), tidak termasuk pelanggan Perbankan Persendirian (“Pemegang Akaun”) yang menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada HLB.
2. Promosi terbuka kepada seluruh Pemegang Akaun Baharu (sepertimana ditakrifkan di bawah fasal 3 di bawah) bagi akaun berikut (“Akaun Sertain”):
 - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - (b) Akaun Simpanan Hong Leong
 - (c) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (d) Akaun Semasa Hong Leong
 - (e) Akaun Simpanan Hong Leong Senior Savers
 - (f) Akaun Simpanan Hong Leong Harvest
 - (g) Akaun Pay&Save Hong Leong
3. Pemegang Akaun Baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA dengan HLB sebelum Tempoh Promosi (“Pemegang Akaun Baharu”).
4. Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, syarikat, badan korporat, perkongsian dan amalan profesional.

KAEDAH PROMOSI

Baucar GEMFIVE

5. Pemegang Akaun Baharu:-
 - (a) Yang berjaya mengemukakan permohonan CASA bagi mana-mana Akaun Sertain (“Permohonan”) dalam Tempoh Promosi;
 - (b) Yang permohonannya untuk Akaun Sertain diluluskan oleh HLB dalam Tempoh Promosi, adalah (berhak menerima 1 (satu) baucar GEMFIVE bernilai Ringgit Malaysia Dua Puluh (“RM20.00) (“Baucar”) (“Pemegang Akaun Berjaya”).
6. Setiap Pemegang Akaun Berjaya dihadkan untuk menerima satu (1) Baucar sahaja di bawah Promosi ini. Baucar akan diberi berupa kod promosi (“Kod Promosi”) yang akan dihantar melalui SMS kepada nombor telefon bimbit yang diberi oleh Pemegang Akaun Berjaya dalam hari yang sama dengan pembukaan akaun CASA. Setiap Pemegang Akaun Baharu berkewajipan memberi nombor telefon bimbit yang terkini dan tepat kepada HLB. HLB tidak bertanggungjawab / dipertanggungjawabkan jika sekiranya HLB tidak dapat menyerahkan / dan menghantar kod promosi kepada setiap Pemegang Akaun Berjaya, atas apa jua sebab sekalipun.

7. Bagi mengelakkan keraguan, Kod Promosi akan diuntukkan atas dasar siapa cepat dia dapat dengan had tiga ribu (3000) penebusan di bawah Promosi (“Penebusan Berhad”). Berkenaan Penebusan Berhad, walau apa pun yang dinyatakan di dalam ini, penebusan selanjutnya tidak dibenarkan bagi Pemegang Akaun Baru apabila sahaja Penebusan Berhad telah diuntukkan sepenuhnya.
8. Terma dan syarat Baucar adalah seperti berikut:-
 - (a) Kod Promosi sah digunakan hanya melalui www.gemfive.com hingga 31 Disember 2017.
 - (b) Pembayaran mestilah dibuat dengan Kad Debit Hong Leong.
 - (c) Kod Promosi melayakkan pelanggan mendapat potongan RM20 daripada jumlah harga troli semasa semak keluar. Tiada pembelian minimum dikenakan melalui www.gemfive.com untuk menebus Kod Promosi.
 - (d) Kod Promosi ini hanya sah untuk sekali guna sahaja bagi setiap pelanggan sehingga 31 Disember 2017.
 - (e) Promosi ini terbuka kepada Tiga Ribu (3,000) pertama penebusan menggunakan Kod Promosi semasa Tempoh Promosi.
 - (f) Berbilang penggunaan Kod Promosi oleh seorang Pelanggan merentas berbilang transaksi dan/atau unsur penipuan akan menjadikan Baucar itu tidak sah dan pesanan dibatalkan.
 - (g) Promosi ini tidak sah digunakan bersama kod promosi yang lain.
 - (h) Kod Promosi ini tidak boleh ditebus, ditukar atau dibayar balik untuk wang tunai.
 - (i) Kod Promosi ini tidak boleh digunakan untuk membeli baucar GEMFIVE.
 - (j) Kod Promosi ini menjadi tidak sah jika disekat atau dilarang oleh undang-undang.
 - (k) Caj penghantaran dan pengendalian akan dikenakan kepada semua produk yang dibeli melalui www.gemfive.com jika berkenaan.
 - (l) GEMFIVE tidak berkewajipan membayar apa-apa cukai atau duti berhubung dengan pengedaran atau penggunaan sebarang baucar promosi.
 - (m) Pelanggan hendaklah membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan (“CBP”), apa-apa cukai atau duti lain jika berkenaan.
 - (n) GEMFIVE berhak menamatkan Kod Promosi ini atau mengubah terma dan syaratnya atau membatalkan mana-mana promosi pada bila-bila masa tanpa memberi notis.
 - (o) Kod Promosi tidak boleh digunakan oleh peniaga atau untuk apa-apa tujuan perniagaan.
 - (p) Jika anda memulangkan atau memohon bayaran balik bagi apa-apa barangan dibeli menggunakan Kod Promosi, GEMFIVE berhak memotong amaun berkadar Kod Promosi daripada apa-apa amaun pemulangan atau bayaran balik atau amaun kredit stor.
 - (q) Terma penggunaan GEMFIVE di www.gemfive.com akan dikenakan.
 - (r) Pemegang Akaun Berjaya hendaklah membayar CBP, dan/atau apa-apa cukai atau duti lain jika berkenaan.

UMUM

9. Pemberitahuan dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) akan dikeluarkan jika sekiranya Baucar telah ditebus sepenuhnya dan stok kehabisan.
10. HLB tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kesesuaian Baucar, atau mana-mana terma dan syarat Baucar mungkin dikenakan oleh GEMFIVE. Pemegang Akaun Layak akan menanggung sendiri kos dan perbelanjaan apabila berurusan dengan GEMFIVE berkenaan segala waranti, terma dan syarat dan/atau maklumat mengenai Baucar.
11. HLB sama sekali tidak dipertanggungjawabkan jika sekiranya Baucar tak sah / ditolak oleh GEMFIVE atas apa jua sebab sekalipun. Sebarang permintaan supaya diganti dengan Baucar baharu tidak akan dilayani HLB.
12. Baucar tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
13. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun :

- a. Susah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi ini, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma & Syarat Kad Debit.
 - b. Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat; dan
 - c. Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi dan Baucar adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani.
14. HLB berhak:
- a. menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis awal atas budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
 - b. menggantikan Baucar dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - c. melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar menurut budi bicara HLB daripada menyertai Promosi dan/atau berhak menerima Baucar.
15. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma & Syarat Kad Debit hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma & Syarat Kad Debit, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
16. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan
17. Pemegang Akaun yang telah melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama HLB atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi dan/atau **TIDAK** berhak menerima Baucar.
18. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhdap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi dan/atau pengambilan Baucar.
19. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
20. Perkataan yang menandakan satu gender adalah termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa dan Akaun Simpanan layak dilindungi oleh PIDM